

11 MAY 1996

Konvensyen-Asing

PERWAKILAN ASING SEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA DALAM SOAL DEMOKRASI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Semua perwakilan asing yang menghadiri Konvensyen Ulangtahun ke-50 Umno di sini hari ini menyokong pendirian Malaysia berhubung soal demokrasi.

Wakil Parti Komunis Vietnam (PKV) menyifatkan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian konvensyen itu sebagai sangat menarik dan bermakna.

Pengerusi Suruhanjaya bagi Hal Ehwal Luar PKV, Hong Ha berkata, sebagai sebuah negara Asia, Vietnam pada amnya mempunyai pandangan dan pendirian serupa dengan Malaysia dalam soal demokrasi.

Vietnam, katanya, kini menikmati pelaksanaan sistem demokrasi sosialis dalam semua aspek pentadbirannya.

Hong adalah salah seorang wakil 12 buah parti politik dari 10 negara yang menghadiri majlis perasmian itu sebagai tetamu undangan. Yang lain termasuk dari Indonesia, Singapura, Bosnia, Korea dan Libya.

Ucapan Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, pada majlis itu berteraskan pengertian demokrasi serta pentafsiran dan permasalahan yang dihadapinya.

Timbalan Ketua Jabatan Perhubungan Antarabangsa Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC) Li Chengren pula memuji Umno kerana berjaya menerajui Malaysia sehingga menjadi sebuah negara yang berprestasi tinggi di bidang ekonomi yang membolehkan rakyatnya menikmati taraf kehidupan yang tinggi.

Katanya, hasil kemajuan itu, Malaysia kini berupaya menjadi sebuah negara yang makmur dengan rakyat berbilang kaum dapat hidup dalam penuh harmoni.

Penolong Setiausaha Agung Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura Wong Kan Seng pula berpendapat, dengan memiliki barisan pemimpin yang berwibawa, UMNO berjaya memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan Malaysia.

Wong, yang juga Menteri Dalam Negeri republik itu, bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa demokrasi adalah satu sistem yang baik jika ia diamali secara betul.

"Mesej ucapan Dr Mahathir itu tidak terhad kepada Malaysia atau Singapura tetapi ditujukan kepada semua negara yang mengamalkan demokrasi," katanya.

Naib Presiden Parti Tindakan Demokratik Bosnia-Herzegovina, Hussein dengan partinya kerana Bosnia akan mengadakan pilihan raya umum September ini seperti yang dipersetujui pada perjanjian damai Dayton.

"Dengan menggunakan pengalaman Umno itu, kita akan berusaha untuk mencapai kejayaan kerana matlamat kita ialah untuk melihat Bosnia muncul sebagai sebuah negara yang bersatu padu walaupun penduduknya dipisahkan oleh garisan etnik," kata beliau.

Tokoh veteran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) Hassan Yadi berkata orang Melayu di Singapura masih mengingati dan menghayati perjuangan Umno sehingga ke hari ini.

"Ucapan Dr Mahathir amat baik dan mendalam. Walaupun terpisah dari Malaysia, kita menganggap Dr Mahathir pemimpin orang Melayu seluruh dunia," katanya. -- BERNAMA

TEAM AKD